

14/10/1997

Sikap jutawan kritik kepemimpinan PM dikesali

GEORGETOWN, Isnin - Kerajaan kesal terhadap sikap segolongan jutawan dalam negara ini yang mengkritik kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad, akibat krisis mata wang yang dihadapi negara.

Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata golongan jutawan terbabit bukan saja lupa kekayaan yang diperolehi mereka adalah hasil idea dan kerja kuat kepemimpinan negara, malah turut berusaha mahu menjatuhkan Perdana Menteri.

Beliau mendedahkan ada segolongan jutawan negara yang tidak berpuas hati terhadap kepemimpinan Perdana Menteri kerana kejatuhan nilai ringgit sejak kebelakangan ini.

"Kerugian 30 peratus (dalam mata wang dan bursa saham) melenyapkan keuntungan 70 peratus yang dikecapi mereka yang bongkak dan semata-mata memikirkan keuntungan tanpa mahu bekerjasama membantu kerajaan memulihkan semula keadaan ekonomi meruncing ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman Program Latihan Teknikal Lulusan Sekolah antara Yayasan Balik Pulau dan syarikat Hitachi Bhd di Bayan Lepas, dekat sini, hari ini.

Beliau berkata, rakyat perlu berusaha lebih gigih untuk meningkatkan keupayaan kerja bagi membuktikan ekonomi negara boleh dibangunkan semula tanpa mengharap bantuan negara luar.

"Golongan terbabit bersama-sama media Barat berusaha menjatuhkan kerajaan ini kerana rasa iri hati serta tidak senang dengan kelantangan pemimpin kita yang kini sudah mendapat reaksi positif dari beberapa negara luar.

"Golongan ini perlu menghentikan kegiatan tidak bertanggungjawab itu dan perlu bersatu dan bersama seluruh masyarakat untuk membuktikan kepada dunia luar bahawa pucuk pimpinan negara kita berani bersuara untuk kebenaran," katanya.

Sebelum itu dalam ucapannya, Fauzi menegaskan kerajaan memerlukan tenaga pakar mahir untuk menjadi aset penting bagi kemajuan pelbagai bidang terutamanya sektor industri dan teknologi.

Katanya, semua majikan kilang perlu mengadakan program latihan teknikal secara langsung bagi melahirkan ramai tenaga kerja mahir.

"Ilmu pendidikan dan kemahiran adalah dua aset penting yang perlu diserapkan kepada seluruh masyarakat bagi persediaan melahirkan tenaga kerja yang mampu meningkatkan pengeluaran sesebuah syarikat dan mampu bersaing dengan syarikat negara luar.

Program Latihan Teknikal Lulusan Sekolah antara Yayasan Balik Pulau dan Hitachi Semiconductor (M) Sdn Bhd memberi peluang 20 pelajar mengikuti latihan teori dan praktikal 18 bulan yang akan dimulakan November depan.

Peruntukan RM300,000 disediakan untuk membiayai program yang turut mendapat kerjasama Foundation In Malaysia (FIM) yang sebelum ini mengadakan enam program seumpama dengan syarikat terbabit.

Turut hadir pada majlis itu adalah Pengarah Yayasan Balik Pulau, Datuk Dr Hilmi Yahaya; Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia, Fadzil Hanafi; Pengerusi FIM, Kachina Nazardin dan Pengarah Urusan Hitachi Semiconductor (M) Sdn Bhd, H Ishimori.

Pelajar lepasan sekolah yang berminat untuk mengikuti program berkenaan boleh mendapat maklumat lanjut dengan menghubungi 04-6438121 sambungan 2268 atau 04-8661613 sebelum 30 Oktober ini.

( END )